

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN IMPORT (AP) KENDERAAN PERSENDIRIAN BAGI WARGANEGARA MALAYSIA YANG BEKERJA/BELAJAR DI LUAR NEGARA

BERKUAT KUASA PADA 1 JANUARI 2017

A. DASAR SEMASA AP KENDERAAN PERSENDIRIAN

Dasar semasa menetapkan bahawa Lesen Import (AP) Kenderaan Persendirian (“AP Persendirian”) boleh dipertimbangkan kepada Warganegara Malaysia yang bekerja/belajar sepenuh masa di luar negara bagi membolehkan kenderaan milik persendirian di luar negara dibawa masuk ke Malaysia secara sah.

B. WARGANEGARA MALAYSIA YANG LAYAK MEMOHON AP KENDERAAN PERSENDIRIAN

AP Kenderaan Persendirian bukan merupakan suatu hak bagi semua Warganegara Malaysia yang berada di luar negara. Warganegara Malaysia yang layak memohon adalah seperti berikut:

- (i) pelajar termasuk pegawai Kerajaan yang menyambung pelajaran sekurang-kurangnya di peringkat diploma di luar negara (kecuali di Singapura, Brunei dan Thailand);
- (ii) bekerja sepenuh masa di luar negara (kecuali di Singapura, Brunei dan Thailand);
- (iii) pegawai Kerajaan yang berkhidmat di luar negara dan kakitangan *home-based* yang berkhidmat di pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negara;
- (iv) suami atau isteri yang menemani Warganegara Malaysia dalam kategori (i) dan (ii); dan
- (v) suami atau isteri atau anak (seorang) kepada pegawai Kerajaan/kakitangan *home-based* dalam kategori (iii).

C. TERMA-TERMA UMUM AP KENDERAAN PERSENDIRIAN

Terma-terma umum AP Kenderaan Persendirian adalah seperti berikut:

- (i) pemohon adalah warganegara Malaysia sahaja;
- (ii) pemohon hanya layak dipertimbangkan satu (1) unit AP Kenderaan Persendirian sekali sahaja seumur hidup;
- (iii) kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama pemohon di negara bekerja/belajar; dan
- (iv) syarat sekatan hak pindah milik yang akan dikenakan ke atas kenderaan adalah untuk tempoh 3 tahun.

D. SYARAT-SYARAT KELULUSAN PERMOHONAN

Kelulusan permohonan AP Kenderaan Persendirian adalah tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat berikut:

- (i) pemohon telah bermastautin di luar negara secara sah bagi tempoh minimum tidak kurang dari satu (1) tahun;
- (ii) had usia kenderaan adalah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh ia didaftarkan buat kali pertama sehingga tarikh kenderaan tiba di Malaysia;
- (iii) pemohon mempunyai lesen memandu yang sah di Malaysia atau lesen memandu yang dikeluarkan oleh negara domisil; dan
- (iv) pemohon kembali ke Malaysia secara tetap setelah tamat tempoh bekerja atau belajar di luar negara.

E. PROSEDUR PERMOHONAN

1. Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan dalam tempoh 90 hari setelah kembali ke Malaysia secara tetap.
2. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan sendiri oleh pemohon kepada Ibu Pejabat MITI di Kuala Lumpur atau Pejabat-Pejabat MITI Wilayah yang berdekatan dengan menyertakan borang-borang serta dokumen sokongan yang teratur dan lengkap seperti berikut:
 - (i) Borang Permohonan Lesen Import Kenderaan Persendirian seperti di Lampiran I;

- (ii) Borang JK 69; dan
 - (iii) Salinan dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Senarai Semak Dokumen Permohonan Lesen Import Kenderaan Persendirian (Bekerja/Belajar/Suami/Isteri/Anak), mana-mana yang berkenaan seperti di **Lampiran II**.
3. Pemohon dilarang melantik mana-mana ejen untuk mengemukakan permohonan bagi pihaknya.
 4. Pemalsuan dokumen/maklumat kepada mana-mana badan Kerajaan merupakan satu kesalahan yang serius dan menyalahi undang-undang. Sekiranya pihak MITI mendapati berlaku pemalsuan dokumen/maklumat semasa permohonan dikemukakan atau kelulusan telah diberikan, pihak MITI berhak untuk menolak permohonan atau membatalkan kelulusan tersebut. Selanjutnya, pemohon juga **boleh disenarai hitam dan dikenakan tindakan undang-undang** di atas kesalahan tersebut.
 5. Keputusan permohonan AP Kenderaan Persendirian akan dibuat dalam tempoh **7 hari bekerja selepas permohonan yang lengkap diterima oleh Ibu Pejabat MITI, Kuala Lumpur. Bagi permohonan yang diterima di Pejabat-Pejabat MITI Wilayah, keputusan permohonan akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja.**

F. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN

Garis Panduan ini akan mula **berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017** dan semua garis panduan yang telah dikeluarkan oleh MITI berkenaan permohonan AP Kenderaan Persendirian sebelum ini adalah terbatal.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

- i. Puan Amirah Azhari : 03-6208 4713 / amirah.azhari@miti.gov.my
- ii. Encik Arif Zuhdi Muhamad : 03-6208 4976 / arifzuhdi@miti.gov.my
- iii. Puan Suhaila Yosni : 03-6208 4962 / suhailayosni@miti.gov.my

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KAWALAN EKSPORT DAN IMPORT
BAHAGIAN SOKONGAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)**